

# Sulaiman harap dilepaskan jawatan Pengerusi Tetap UMNO

UM 19 JUN 2002

KUALA LUMPUR 18 Jun — Tun Sulaiman Ninam Shah yang telah menyandang jawatan Pengerusi Tetap UMNO sejak 27 tahun lalu berharap dapat dilepaskan daripada jawatan itu apabila tempohnya sekali lagi berakhir tahun depan.

Menurut beliau, dengan usianya yang lanjut dan semakin uzur adalah wajar tugas yang dianggap berat itu diteruskan oleh orang lain.

Bagaimanapun, kata beliau, sekiranya Presiden UMNO masih mahukannya menyambung tugas tersebut, ia tidak akan melebihi tahun 2004.

“Berilah peluang kepada orang lain, saya sudah berumur 83, mata dan telinga pun sudah kurang,” katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran buku Biografi Tun Sulaiman Ninam Shah Pengerusi Jawatankuasa Tetap UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC) di sini hari ini.

Buku setebal 298 muka surat terbitan Utusan Publi-

cations & Distributors Sdn. Bhd. dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sulaiman mencatat sejarah sebagai Pengerusi Tetap UMNO yang ke-11 dan yang paling lama diberi kepercayaan menyandang tugas itu secara berterusan.

Ketika berucap pada majlis itu, Sulaiman berkata, beliau menghasilkan buku berkenaan atas desakan ahli-ahli UMNO terutamanya golongan veteran bagi memaparkan sejarah ringkas perjuangan UMNO berdasarkan penglibatannya.

Di samping itu, menurut beliau, ia mengetengahkan beberapa tokoh UMNO yang menjadi Pengerusi Tetap sejak parti ditubuhkan termasuk yang pertama Mohd Tahir Setia Raja (1946), Tengku Mohamad Tengku Besar Burhanuddin (1947), Datuk Dr. Mohd Salleh Abdul Hamid (1948), Pendita Za'aba (1948), Datuk Syed Abdul Kadir Syed Muhamad (1949-1951).

Tan Sri Mohamad Noah

Omar (1952-1954 dan 1964-1970), Tan Sri Syed Esa Alwie (1954-1963), Tan Sri Sheikh Ahmad Mohamad (1963), Tan Sri Nik Ahmad Kamil Mahmood (1971-1974) dan Tan Sri Yahya Mohamad Seth.

Penulis buku tersebut, Wan Mohd. Mahyiddin ketika ditemui berkata, beliau mengambil masa dua tahun menyiapkan buku tersebut bersama seorang lagi penulis, Harun Johari, seorang bekas tentera.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Kamarul Ariffin ketika berucap pada majlis tersebut berkata, lebih banyak buku biografi akan diterbitkan bagi mengatasi ketandusan genre biografi di negara ini.

Menurut beliau, langkah itu bagi membolehkan peminat, penganalisis atau sejarawan memahami dengan lebih terperinci peranan dan sumbangan tokoh-tokoh besar tanah air.